

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : SETINGGAN DAN PENEMPATAN

281. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah Setinggalan yang masih menduduki tanah-tanah milik kerajaan
- b) Apakah usaha kerajaan untuk memastikan tanah2 milik kerajaan tidak di ceroboh dan disalah guna

JAWAPAN:

a)

Bil	Daerah	Jumlah Setinggalan (unit)
1	Sabak Bernam	100
2	Kuala Selangor	1342
3	Klang	-
4	Kuala Langat	11
5	Hulu Langat	58
6	Sepang	94
7	Petaling	523
8	Gombak	91
9	Hulu Selangor	73
JUMLAH		2292

Jumlah setinggalan yang masih menduduki Tanah Kerajaan di dalam Negeri Selangor adalah 2292 unit setinggalan. Tindakan pengenaan Notis Pentadbiran di bawah seksyen 425 Kanun Tanah Negara (KTN) telah dikeluarkan kepada semua penghuni struktur setinggalan tersebut.

- b) Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) sentiasa melakukan pemantauan ke atas mana-mana Tanah Kerajaan mengikut daerah masing-masing. Tindakan awal iaitu pengeluaran Notis Pentadbiran di bawah seksyen 425 KTN serta disusuli dengan tindakan perobohan akan dapat memastikan pencerobohan Tanah Kerajaan tidak lagi berleluasa.

Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) bersama-sama dengan PDT sedang merangka suatu perancangan agar dapat mendakwa penceroboh-penceroboh Tanah Kerajaan ini seperti yang telah diperuntukkan di bawah seksyen 425 KTN iaitu pengenaan denda RM500,000.00 atau sepuluh (10) tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PENGLIBATAN PKNS DALAM PEMBANGUNAN PJ SENTRAL

282. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini Penglibatan PKNS dalam Pembangunan PJ Sentral?

- b) Bilakah menara milik PKNS akan didirikan?

JAWAPAN:

- a) Bagi mengurangkan tekanan kepada aliran tunai PKNS, PKNS telah bersetuju untuk menjual hak pembangunan Menara 2 PJ Sentral kepada mana-mana pihak yang berminat. Proses mengenalpasti pembeli berpotensi tersebut kini sedang dilaksanakan.

- b) Berdasarkan 'Development Agreement' sedia ada antara PKNS dan pihak PJ Sentral Development Sdn. Bhd. (PJSD), pembinaan blok Menara 2 PJ Sentral tersebut perlu disiapkan dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh serahan 'footprint platform' Menara 2 tersebut. Serahan 'footprint platform' Menara 2 oleh MRCB kepada PKNS dijangka dibuat pada bulan Julai 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PILI BOMBA UNTUK SEKITAR SEKOLAH SJK(C) SUNGAI BULOH

283. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah pemasangan pili tersebut boleh di lakukan untuk jaminan keselamatan terutama di Pintu B hadapan sekolah ?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor, melalui Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat telah mengarahkan pegawai penyiasat untuk melaksanakan Mencegah Bahaya Kebakaran dan ianya adalah benar kedudukan pili bomba jauh dari pintu B hadapan sekolah SJK(C) Sungai Buloh. Hasil pemeriksaan terdapati pili bomba yang hampir dengan pintu hadapan sekolah adalah 10m, manakala bagi kedudukan pili bomba di belakang sekolah adalah sejauh 350m. Bahagian Operasi telah membuat surat permohonan kepada Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk mendapat kelulusan pemasangan Pili Bomba di Sekolah Berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : SKIM AIR DARUL EHSAN

284. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pemohon yang mengisi borang di dalam skim SADE?
- b) Nyatakan jumlah penjimatan yang dapat dijamin oleh Kerajaan Negeri melalui program SADE ini?

JAWAPAN:

Soalan Skim Air Darul Ehsan (SADE) dijawab bersekali dengan soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Sungai Burong (Soalan No. 51), Yang Berhormat Sijangkang (Soalan No. 82), Yang Berhormat Bandar Utama (Soalan No. 204), Yang Berhormat Pandamaran (Soalan No. 248), Yang Berhormat Sungai Panjang Soalan No. 275) dan Yang Berhormat Hulu Bernam (Soalan No. 284).

Yang Berhormat semuanya berminat untuk mengetahui status bilangan pengguna yang telah mendaftar untuk SADE. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah keseluruhan rakyat Negeri Selangor yang mendapat air percuma di bawah SADE dianggarkan sejumlah 250,000 akaun (190,000 akaun pengguna meter individu dan kira-kira 60,000 akaun pengguna rumah pangsakos rendah dalam kategori meter pukal). Terdapat sebanyak 25,795 permohonan gagal kerana pemohon tidak memenuhi kelayakan yang ditetapkan, iaitu terdiri dari mereka yang mempunyai pendapatan lebih dari RM4,000.00, premis di luar Selangor dan mempunyai akaun air bukan domestik.

Semakan keputusan SADE boleh dibuat melalui Portal Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) dengan menggunakan login & password yang didaftarkan ketika membuat pendaftaran dahulu bermula pada 16 Mac 2020. Pada masa yang sama, pemakluman kepada pengguna akan dibuat menerusi email dan Sistem Pesanan Ringkas (SMS).

Yang Berhormat Bandar Utama bertanyakan mengenai tarikh pendaftaran baru kepada pemohon yang layak untuk mendaftarkan diri di bawah Skim Air Darul Ehsan. Kerajaan Negeri telah bersetuju pendaftaran baru dibuka semula bermula pada 01 April 2020 dan sekiranya pemohon ini memenuhi semua syarat, ia akan layak menikmati air percuma mulai pada 01 September 2020.

Yang Berhormat Sungai Panjang, Yang Berhormat Sungai Burong dan Yang Berhormat Hulu Bernam bertanyakan berapa anggaran perbelanjaan Kerajaan Negeri di dalam membiayai SADE. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM1,812,421,674.67 bagi menampung pembiayaan Program Pemberian Air Percuma 20-meter padu semenjak Jun 2008 hingga Disember 2019. Jumlah pembiayaan Kerajaan Negeri di bawah Skim Air Darul Ehsan ini dianggarkan akan berkurangan dari RM180 juta setahun kepada RM35 juta setahun berdasarkan kepada anggaran 250,000 jumlah permohonan yang telah berjaya mendapat SADE.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : TANAH PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)

285. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini tanah hak milik PKNS di Kampung Bukit Belimbing, Kuala Selangor?

JAWAPAN:

- a) Terdapat dua (2) lot tanah hakmilik PKNS di Bukit Belimbing, Kuala Selangor seperti berikut:
- i) Lot 937 dengan keluasan 10.31 ekar telah disewakan untuk tujuan pertanian dan penternakan
 - ii) PT 3001 dengan keluasan 50 ekar telah disewakan juga untuk tujuan pertanian dan penternakan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : BANTUAN LEMBAGA ZAKAT SELANGOR

286. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah bantuan Lembaga Zakat Selangor mengikut pecahan kategori bantuan dalam DUN Semenyih bagi tahun 2018 – 2019 ?
- b) Apakah kriteria utama untuk memohon sumbangan Lembaga Zakat Selangor mengikut pecahan kategori yang ditawarkan?

JAWAPAN:

- a) Jumlah bantuan mengikut kategori asnaf dan jenis bantuan dalam Dun Semenyih bagi tahun 2018-2019 adalah seperti dilampiran:
- b) Syarat utama bagi memohon bantuan zakat di LZS adalah seperti berikut:
 - i. Beragama Islam
 - ii. Warganegara Malaysia/Pemastautin tetap (PR)
 - iii. Lahir dan menetap di negeri Selangor /bermastautin dan masih menetap di negeri Selangor tidak kurang tiga (3) tahun (tidak tertakluk kepada asnaf ibnu sabil)

Namun begitu bagi permohonan kelayakan asnaf fakir dan miskin di Selangor, pemohon akan dibanci melalui pengiraan Had Kifayah isi rumah. Had Kifayah merujuk kepada suatu garisan kecukupan bagi seseorang individu mahupun sesebuah keluarga.

***JUMLAH AGIHAN ZAKAT MENGIKUT ASNAF DAN JENIS BANTUAN DUN SEMENYIH BAGI TAHUN 2018**

JENIS BANTUAN	FAKIR		MISKIN		MUALAF		GHARIM		FISABILILLAH		JUMLAH KESELURUHAN	
	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM
Bantuan Kewangan Bulanan	942	3,002,000.00	617	2,369,800.00	117	386,100.00	0	-	0	-	1,676	5,757,900.00
Bantuan Makanan Bulanan	470	236,967.80	534	272,368.40	0	-	0	-	0	-	1,004	509,336.20
Bantuan Sewa/Ansuran Rumah	223	1,037,089.00	346	1,419,035.40	39	201,560.00	0	-	0	-	608	2,657,684.40
Bantuan Dialisis	3	35,280.00	9	175,980.00	0	-	92	1,601,286.88	0	-	104	1,812,546.88
Bantuan Perubatan	71	220,555.50	80	253,545.81	3	2,125.00	137	573,940.91	0	-	291	1,050,167.22
Bantuan Bina/Beli/Baki Akhir Rumah	3	84,353.46	9	269,469.69	4	204,484.00	0	-	0	-	16	558,307.15
Bantuan Baik Pulih Rumah	7	181,369.45	8	153,474.62	0	-	0	-	0	-	15	334,844.07
Bantuan Ramadan & Hari Raya	903	674,150.00	1,354	989,470.00	362	132,180.00	0	-	0	-	2,619	1,795,800.00
Bantuan Keperluan Pendidikan Sekolah	998	381,905.00	2,203	846,405.00	0	-	0	-	0	-	3,201	1,228,310.00
Bantuan Kecemasan	312	374,761.88	446	623,292.30	58	67,820.80	0	-	883	98,445.00	1,699	1,164,319.98
JUMLAH	3,932	6,228,432.09	5,606	7,372,841.22	583	994,269.80	229	2,175,227.79	883	98,445.00	11,233	16,869,215.90

*Nota : Terdapat penerima yang menerima lebih daripada satu jenis bantuan.

***JUMLAH AGIHAN ZAKAT MENGIKUT ASNAF DAN JENIS BANTUAN DUN SEMENYIH BAGI TAHUN 2019**

JENIS BANTUAN	FAKIR		MISKIN		MUALAF		GHARIM		FISABILILLAH		JUMLAH KESELURUHAN	
	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM
Bantuan Kewangan Bulanan	1,031	4,809,150.00	793	3,924,200.00	145	430,100.00	0	-	0	-	1,969	9,163,450.00
Bantuan Makanan Bulanan	556	280,134.40	692	366,995.60	0	-	0	-	0	-	1,248	647,130.00
Bantuan Sewa/Ansuran Rumah	287	1,586,704.00	529	2,628,497.00	48	215,640.00	0	-	0	-	864	4,430,841.00
Bantuan Dialisis	4	33,678.00	12	252,048.00	1	5,880.00	86	1,545,934.24	0	-	103	1,837,540.24
Bantuan Perubatan	60	261,263.90	113	434,329.73	11	20,617.95	163	1,103,369.70	0	-	347	1,819,581.28
Bantuan Bina/Beli/Baki Akhir Rumah	4	125,565.76	17	636,889.25	1	93,000.00	0	-	0	-	22	855,455.01
Bantuan Baik Pulih Rumah	2	38,094.60	7	153,574.00	1	31,500.00	0	-	0	-	10	223,168.60
Bantuan Ramadan & Hari Raya	966	476,800.00	1,620	774,950.00	302	92,150.00	0	-	0	-	2,888	1,343,900.00
Bantuan Keperluan Pendidikan Sekolah	1,185	448,250.00	2,491	958,680.00	3	1,520.00	0	-	0	-	3,679	1,408,450.00
Bantuan Kecemasan	319	378,829.35	555	623,413.15	62	99,847.63	0	-	992	96,733.00	1,928	1,198,823.13
JUMLAH	4,414	8,438,470.01	6,829	10,753,576.73	574	990,255.58	249	2,649,303.94	992	96,733.00	13,058	22,928,339.26

**Nota : i. Data belum diaudit.*

ii. Terdapat penerima yang menerima lebih daripada satu jenis bantuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : PENDIDIKAN TAHFIZ SELANGOR SAMADA INISIATIF KERAJAAN
ATAUPUN SWASTA**

287. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri pada tahun ini bagi terus memperkasakannya?

JAWAPAN:

- a) Perancangan Kerajaan Negeri pada tahun ini bagi terus memperkasakan pendidikan tahfiz Selangor adalah :
- 1) Pembukaan maahad tahfiz yang ke 5 oleh JAIS di Pandan Indah, Hulu Langat yang akan mula mengambil pelajar pada tahun 2021.
 - 2) Pelajar tahfiz swasta diurus untuk mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) secara *fast track* yang telah bermula pada tahun 2019 dengan menggunakan peruntukan sebanyak RM 1.9 juta dari Kerajaan Negeri.
 - 3) Memberi peluang kepada pelajar-pelajar tahfiz swasta untuk turut serta dalam kejohanan sukan sekolah-sekolah agama peringkat Negeri Selangor.
 - 4) JAIS menyalurkan bantuan pembangunan dan baik pulih kepada maahad tahfiz swasta dalam membantu menyediakan prasarana yang selesa dan kondusif. Sumber-sumbernya datang dari kerajaan pusat, Kerajaan Negeri, Lembaga Zakat Selangor dan GLC Negeri Selangor.
 - 5) Pemutihan sekolah-sekolah tahfiz swasta dari sudut pendaftaran, silibus dan latihan guru-guru.
 - 6) Pemantauan secara berkala oleh JAIS terhadap sekolah-sekolah tahfiz swasta dipertingkatkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : INSTITUSI MASJID & SURAU

288. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan untuk memperkasa pentadbiran serta urus tadbir Masjid dan Surau yang baik?
- b) Apakah bantuan-bantuan yang disalurkan kepada Masjid dan Surau?

JAWAPAN:

- a) Bagi memperkasa pentadbiran serta urustadbir masjid dan surau yang baik, Kerajaan :
 - 1. Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid Surau Negeri Selangor (JATUMS) adalah jawatankuasa tertinggi dalam mengawal pentadbiran dan urus tadbir masjid dan surau Negeri Selangor.
 - 2. Jawatankuasa Khas Nazir-nazir Masjid Kariah yang dipengerusikan oleh pegawai tadbir agama daerah masing untuk menyelaras semua isu berkaitan pentadbiran dan urus tadbir masjid dan surau peringkat daerah.
 - 3. Mewujudkan Sistem *Smart* Masjid bagi melancarkan urusan kewangan, akaun dan aduan.
 - 4. Mewujudkan dan menguatkuasakan peraturan serta garis panduan pentadbiran masjid serta surau Negeri Selangor.
 - 5. Membentuk lingkungan tadbir urus yang kondusif kepada keperluan setempat melalui fungsi ibadat, fungsi ilmu Islam, fungsi dakwah dan fungsi keprihatinan setempat (CSR).
 - 6. Pegawai-pegawai masjid dan surau turut diberi latihan, pendidikan, ilmu pengetahuan yang meliputi soal-soal peningkatan profesionalisme pengurusan dan tadbir urus, penyampaian khutbah yang berkesan, konsep dakwah lingkungan, program-program melibatkan muda-mudi dan program-program kerjasama melibatkan masyarakat setempat.
- b) Antara sumbangan yang disalurkan kepada masjid dan surau seperti berikut:
 - i. Bantuan sumbangan moreh bulan Ramadhan:
 - 1. Masjid : RM 1,200.00
 - 2. Surau : RM 1,000.00

ii. Elaun Imam 1 dan 2 Masjid Kariah:

1. JAKIM : RM 850.00
2. NEGERI : RM 450.00

iii. Elaun Bulanan Kepada:

1. Nazir : RM 250.00
2. Timb. Nazir : RM 100.00
3. Bilal 1 : RM 290.00
4. Bilal 2 : RM 200.00
5. Siak 1 : RM 240.00
6. Siak 2 : RM 150.00
7. Setiausaha : RM 100.00
8. Bendahari : RM 100.00

iv. Elaun Tahunan sebanyak RM 200.00 kepada Pen. Setiausaha, Pen. Bendahari, 9 orang AJK dan 2 orang Pemeriksa Kira- Kira.

v. Peruntukan baik pulih dan penyelenggaraan masjid surau RM 2.5 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : HASIL PASIR

289. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan Kawasan kerja – kerja mengorek pasir yang sedang dilakukan oleh kumpulan semesta sdn bhd di selangor ?
- b) Nyatakan jumlah bayaran royalti, keuntungan sebelum cukai dan hasil jualan pasir pada tahun 2017 – 2019 ?

JAWAPAN:

- a) Senarai kawasan kerja pengorekan pasir yang sedang dilakukan oleh KSSB adalah seperti berikut:-

Jenis	Lokasi
i) Sungai	- Sungai Langat (dari Batu 10 ke Batu 14, dari Bukit Canggang ke Labohan Dagang ke Jambatan Telok Dato) - Sungai Semenyih (dari Kampung Bangi ke Sungai Bangi Lama) - Sungai Beranang (Kampung Sungai Sematar hingga Bangi Lama) - Sungai Selangor - Sungai Sekamat, Sungai Labu, Sungai Klang, Sungai Kerling, Sungai Inki, Sungai Batang Kali, Sungai Bernam, Sungai Liam, Sungai Buloh, Sungai Garing dan Sungai Sembah.
ii) Lombong bagi Tanah Hakmilik Persendirian	- Tanjung Dua Belas - Bestari Jaya
iii) Lombong bagi Tanah Hakmilik GLC	- Kolam Kambing Susu - Bukit Tagar - Kg. Makmur - Bestari Jaya
iv) Lombong bagi Tanah Hakmilik Kerajaan	- Tanjung Dua Belas

- b) Jumlah jualan, keuntungan sebelum cukai, royalti dan sumbangan terus kepada Kerajaan bagi tahun 2017 – 2019 adalah seperti berikut:-

(RM'Juta)	2017	2018	2019
Jualan	128.08	102.05	94.22
Keuntungan sebelum cukai	6.64	2.19	20.04
Royalti	16.43	15.77	19.24
Sumbangan kepada Kerajaan*	36.17	29.13	21.96

*tidak termasuk bayaran royalti

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : KUALITI CAT

290. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri menetapkan ciri-ciri dan kualiti tertentu kegunaan cat bagi projek seperti skim ceria dan kemudahan-kemudahan awam seperti dewan serbaguna?

JAWAPAN:

- a) Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Skim CERIA (Caring Government Resident's Improvement Aid) adalah merupakan program bantuan baikpulih atau penyelenggaraan harta bersama di kawasan perumahan bertingkat (strata) khususnya untuk pangsapuri kos rendah di Negeri Selangor.

Kerja-kerja mengecat bangunan di bawah Skim CERIA kali terakhir di anugerahkan kepada kontraktor adalah pada tahun 2015. Selepas tahun tersebut, Skim CERIA lebih menumpukan kepada kerja-kerja pembaikan yang meliputi aspek **keselamatan** berbanding aspek kecantikan (mengecat bangunan).

Bagi memastikan kerja-kerja mengecat bangunan tersebut dijalankan dengan sempurna, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS) telah menetapkan ciri-ciri dan spesifikasi tertentu untuk kerja-kerja mengecat bangunan. Antara spesifikasi yang ditetapkan adalah seperti berikut:-

- i. Mengecat satu (1) lapisan cat asas,
- ii. Mengecat dua (2) lapisan cat rintangan cuaca di atas permukaan cat asas,
- iii. Kerja-kerja mengecat hanya pada permukaan luar bangunan yang berkaitan dengan harta bersama sahaja,
- iv. Jaminan ketahanan cat yang dikeluarkan oleh pembekal cat adalah selama lima (5) tahun.

Selain itu, untuk makluman Yang Berhormat, kemudahan-kemudahan awam seperti dewan serbaguna tidak termasuk dalam peruntukan Skim CERIA melainkan bangunan tersebut terdapat di dalam komponen pembangunan berstrata.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : TAHAP LITERASI AL QURAN NEGERI SELANGOR

291. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status tahap literasi Al-Quran bagi mereka yang beragama Islam di Negeri Selangor?

- b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kadar tahap literasi Al-Quran Negeri Selangor ?

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini JAIS belum melakukan satu kajian khusus berkaitan literasi Al-Quran dikalangan orang beragama Islam di Negeri Selangor. Bagaimanapun sejumlah 39,000 pelajar JAIS peringkat rendah pada setiap tahun telah melepasi tahap literasi yang telah ditetapkan oleh JAIS berdasarkan Penilaian Sijil Rendah Agama (PSRA) bagi matapelajaran tilawah dan hafazan. JAIS juga melahirkan tidak kurang dari 250 individu yang menguasai tahap literasi mengikut qiraat tujuh setiap tahun melalui sistem pendidikan di 4 buah maahad tahfiz yang dikelola oleh Kerajaan Negeri Selangor. JAIS juga mengawal selia sejumlah 19,000 pelajar yang menguasai literasi dan hafazan Al-Quran di sekolah-sekolah tahfiz persendirian.

- b) Langkah-langkah yang di ambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kadar tahap literasi Al Quran Negeri Selangor :
 1. Pelajar dalam sistem pendidikan JAIS
 - i. Menambah peruntukan masa mengajar dalam jadual waktu bagi mata pelajaran iqra' dan tilawah bagi tahap satu.
 - ii. Melaksanakan program tahsin tilawah kepada guru-guru al-quran di semua sekolah.
 - iii. Mengadakan kursus pemantapan pengajaran iqra' bagi guru-guru tahun satu.
 - iv. Mengajurkan majlis khatam Al-Quran perdana bagi murid-murid tahun enam sebagai penanda aras pencapaian bagi mata pelajaran Al-Quran

2. Masyarakat Awam (Selain pelajar aliran JAIS)

- i. Mengadakan kelas-kelas pengajian dan talaqi Al-Quran
- ii. Menganjurkan kelas-kelas pengajian Al-Quran bersijil
- iii. Menjadikan masjid dan surau sebagai pusat Al-Quran setempat
- iv. Kempen mendengar, membaca dan mentadabbur Al-Quran
- v. Menambah tenaga mengajar Al-Quran yang bertauliah

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : NAIKTARAF JALAN B27

292. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan perkembangan dan rancangan Projek Naiktaraf sepanjang Jalan B27.

JAWAPAN:

a) Terdapat 3 cadangan projek di sepanjang Jalan Negeri B27 seperti berikut :

i. Menyiapkan Baki Kerja-Kerja Menaiktaraf Jalan B27, Jalan Rawang – Batang Berjantai (Fasa 2) sepanjang 1.2 km (Tender Semula)

- Kontrak asal telah ditamatkan pada 24 September 2019 atas kegagalan pihak kontraktor melaksanakan kerja mengikut kontrak (statuts kerja di tapak mencapai 80 %). Untuk tindakan jangka masa pendek, pihak Jabatan telah melantik kontraktor sementara bagi melaksanakan kerja penyelenggaraan dan pengurusan trafik di tapak.
- Pada masa yang sama, pihak Jabatan telah mengeluarkan iklan Pra-Kelayakan pada 16 Disember 2019 dan telah ditutup pada 6 Januari 2020. Kerja-kerja ukur sedang dilaksanakan di tapak dan dalam proses penyediaan Dokumen Tender.
- Jangkaan Tarikh milik tapak adalah pada Mei 2020.

ii. Menaiktaraf Jalan Missing Link sepanjang 1.4 km

- Berdasarkan Mesyuarat Retreat Stanco Infrastruktur dan kemudahan Awam Negeri Selangor pada 22 dan 23 November 2019 telah memutuskan supaya pihak JKR Selangor melaksanakan kerja awalan pada tahun 2020 dan kerja fizikal pada 2021 RMKe-12.
- Pihak JKR Selangor telah menghantar permohonan kepada pihak UPEN pada 18 Februari 2020 dan mendapat kelulusan bagi melaksanakan kerja awalan pada 24 Februari 2020.
- Pihak JKR Selangor dalam tindakan melantik perunding Jurukur Tanah di jajaran terlibat.

iii. Membina Jambatan di Atas Lebuhraya Utara-Selatan

- Projek ini di dalam peringkat pembinaan dimana Tarikh milik tapak pada 14 Februari 2018 dijangka siap pada Disember 2021. Skop projek bermula daripada susur keluar Tol Rawang sehingga ke persimpangan Aeon Rawang. Kemajuan fizikal projek sehingga kini adalah 50%.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PEMBINAAN JALAN DUAL CARRIEGE - PERSIARAN CAKERAWALA

293. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan bercadang untuk pembinaan dual carriege seperti di bangkitkan dalam sidang yang lepas ?

JAWAPAN:

- a) Pihak Majlis memaklumkan Persiaran Cakerawala hanya di bina sebagai Single Carriegeway memandangkan separuh lagi rezab adalah di dalam kawasan pihak Lembaga Getah Malaysia. Pihak Lembaga Getah Malaysia telah mewartakan kawasan mereka sebagai tapak warisan negara dan tidak boleh dibangunkan. Walaubagaimanapun, bagi menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas di Persiaran Cakerawal, pihak Lembaga Getah Malaysia telah mencadangkan pembinaan jalan alternatif baru iaitu Persiaragan Camargoana yang melalui kawasan Lembaga Getah Malaysia dan bersambung ke pembangunan Kwasa Land. Kebenaran Merancang projek telah diluluskan pada 6 Disember 2017. Status terkini projek masih di dalam tindakan pihak Lembaga Getah Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : TANAH ADAT ORANG ASLI

294. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk membantu menyelesaikan masalah pemilikan tanah perkampungan orang asli di Kampung Songkok Batang Kali?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri adalah sentiasa komited dalam memproses permohonan daripada Jabatan Kebajikan Orang Asli (JAKOA) bagi pewartaan perkampungan Orang Asli di bawah Akta Orang Asli. Bagi tanah perkampungan Orang Asli di Kampung Songkok Batang Kali, Kerajaan negeri melalui Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor bersama-sama Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dan JAKOA sedang dalam tindakan perbincangan bersepadu bagi memastikan kepentingan semua pihak adalah terpelihara. Selaras hasil mesyuarat bersama-sama pihak berkepentingan pada 28 November 2019 yang dihadiri oleh pihak PKPS dan JAKOA, satu mesyuarat susulan akan diadakan pada April 2020 bagi membincangkan pelan tindakan PKPS bagi penyelesaian isu di Kampung Songkok Batang Kali ini.